

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)30

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. DATO' MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

30. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi di antara luar bandar dan bandar supaya kekayaan ekonomi negeri dapat dikongsi bersama?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri telah melancarkan wawasan Penang2030 dengan matlamat utama '*A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*'. Selanjutnya, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) diwujudkan untuk menggariskan perancangan yang mengandungi polisi dan dasar-dasar perancangan Negeri Pulau Pinang dan disokong dengan Gambarajah Utama/Peta Cadangan Gunatanah sehingga tahun 2030. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam peringkat akhir penyediaan Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2030 dan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030. Rancangan Tempatan tersebut merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk

memastikan pembangunan di kedua-dua PBT dipacu seiring dengan RSNPP2030 dan secara tidak langsung dapat mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi di antara luar bandar dan bandar. Masa depan pembangunan Negeri Pulau Pinang adalah di bahagian Seberang Perai kerana dijangka mampu menawarkan kawasan pembangunan yang luas dan berpotensi tinggi.